

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2016

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) jumlah mesin perjudian yang berlesen mengikut setiap negeri dan nyatakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemilik; dan

- (b) bagaimanakah kawalan operasi pusat mesin perjudian berlesen ini, dan bilangan lesen yang dibatalkan dan apa sebabnya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi pertanyaan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

a) Kementerian Kewangan tidak melesenkan mesin perjudian sebaliknya memberikan lesen/permit kepada pengendali mesin perjudiaan iaitu kelab dan kasino. Sehingga 31 Januari 2016, sejumlah 5876 mesin perjudian dikendalikan oleh casino dan kelab berlesen di seluruh negara. Pengendali mesin perjudian ini dikenakan terma dan syarat yang ketat, yang perlu dipatuhi di semua peringkat bermula daripada bekalan, pendaftaran, pengoperasian sehingga kepada pelupusan mesin perjudian tersebut.

b) Dari segi kawalan, kesemua pemegang lesen/ permit ini perlu mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan dalam lesen masing-masing serta peraturan dan perundangan lain yang sedang berkuatkuasa. Kementerian juga membuat pemeriksaan berkala ke atas setiap kelab dan kasino untuk memastikan kepatuhan kepada peraturan berkenaan.

Sebarang pelanggaran peraturan berkenaan akan menyebabkan tindakan perundangan diambil atau lesen/permit boleh digantung/dibatalkan. Mengikut rekod, semenjak tahun 2013, tiada lesen untuk mengendalikan mesin perjudian dibatalkan.